

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR**  
**MALAM ANUGERAH MAMANEH**  
**30 SEPTEMBER 1996**

1. Syukur ke hadrat Allah Subnahu wa Ta'ala kerana dengan taufiq dan hidayahNya dapat kita bersama-sama meraikan Majlis yang penuh makna ini.

2. Majlis ini merupakan yang kali kedua diadakan dengan tujuan menghargai dan memberi pengiktirafan kepada tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin yang telah menyumbang bakti menerajui bidang kesihatan ibu dan kanak-kanak dengan cemerlang. Sebagai penaung MAMANEH, saya berpendapat perjumpaan antara lapisan generasi rakan-rakan perjuangan adalah penting bagi memastikan kesinambungan pengalaman dan usaha-usaha untuk terus memaju dan meningkatkan kualiti dan sistem jagaan kesihatan ibu dan kanak-kanak.

3. Antara para hadirin malam ini ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah Eksekutif IAMANEH (Persatuan Kesihatan Ibu dan Neonatal Antarabangsa) dan beberapa tokoh profesional dari luar negeri yang telah dijemput untuk bersama kita.

4. To all the members of the executive board of the International Association of Maternal and Neonatal Health and invited guests from overseas, I wish you a very warm welcome to Malaysia. You are amidst this gathering of professionals and para professionals who have pioneered the development of maternal and child health services and are continuously striving to upgrade its scope and quality of care. I hope you have enjoyed the first national safe motherhood conference which ended yesterday and I thank you for all your contribution and participation. I believe you have also just concluded the executive board meeting of IAMANEH and I do hope you have had a successful meeting. Thank you for choosing Malaysia as the venue of the IAMANEH executive board meeting.

5. Tiga tahun lepas pada tahun 1993, kita telah meraikan 70 tahun perbidanan di Malaysia dengan mengimbas kembali detik-detik peristiwa dan sejarah dalam perkembangan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak. Buat pertama kali, MAMANEH telah memperkenalkan anugerah khas MAMANEH -- Safe Motherhood Award -- serta memberi penghargaan kepada tokoh-tokoh terpilih.

6. Syukur Alhamdulillah, negara Malaysia terus berada dalam keadaan aman dan damai dan ini telah membolehkan kita terus memajukan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak. Kita bernasib baik kerana di sesetengah negara perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak tidak dapat dimajukan disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak kukuh, ketiadaan kestabilan politik, peperangan atau 'civil strife'. Taraf kesihatan ibu dan kanak-kanak tidak bertambah baik, malah mundur disebabkan kurang infrastruktur perubatan dan kesihatan, tiada alat-alat dan ubat-ubatan penting atau 'life saving' ataupun kurang makanan. Sekatan ekonomi di Iraq umpamanya, telah memberi

kesan yang begitu menyedihkan terhadap taraf kesihatan ibu dan khususnya kepada kanak-kanak yang meninggal akibat penyakit cirit-birit, jangkitan respiratory ataupun kekurangan zat makanan. Baru-baru ini, dalam lawatan saya di beberapa negara seperti Central Asian Republics, saya telah melihat keadaan ini dengan jelas dan dengan penuh keinsafan - di mana kemudahan perkhidmatan kesihatan asas, ubat-ubatan penting dan tenaga pekerja profesional terlatih berkurangan. Negara-negara ini belum mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan ibu dan perancang keluarga secara tersusun. Kesan ini dapat dilihat dalam kadar fertiliti yang tinggi dan seterusnya mengakibatkan kematian ibu bersalin yang merupakan satu masalah utama.

7. Di arena antarabangsa pula, WHO dan UNICEF dalam laporan 'Revised 1990 Estimates of Maternal Mortality' yang dikeluarkan pada bulan April 1996, telah menganggarkan bahawa jumlah kematian ibu bersalin adalah 585,000 setiap tahun, iaitu 85,000 lebih daripada anggaran sebelum ini. 99 peratus daripada jumlah ini adalah dari negara-negara membangun, khususnya Sub Saharan Africa dan South-Central Asia. Kadar kematian ibu bersalin adalah petunjuk penting yang memberi gambaran kepada kemajuan pembangunan sosial dan ekonomi sesuatu negara atau wilayah. Ianya juga membayangkan status keupayaan sistem jagaan kesihatan mengambilkira dan memenuhi keperluan dan masalah wanita. Secara terus atau direct, kadar kematian ibu bersalin menceritakan risiko kehamilan dan bersalin yang perlu sentiasa diawasi.

8. Menyedari kepentingan petunjuk ini, mengurangkan kadar kematian sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2000 daripada kadar tahun 1990 merupakan matlamat bersama semua negara membangun. Sasaran ini telah ditetapkan di persidangan-persidangan antarabangsa seperti Nairobi Safe Motherhood Conference 1987, World Summit for Children 1990, International Conference on Population and Development 1994 dan Fourth World Conference on Women 1995. Malaysia telah menandatangani deklarasi-deklarasi antarabangsa tersebut dan bertuah bahawa komitmen ini merupakan penerusan kepada usaha-usaha gigih yang telahpun diambil oleh Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kaitan.

9. Antara petunjuk-petunjuk kemajuan taraf sosio ekonomi negara yang diketengahkan di forum kebangsaan mahupun antarabangsa, petunjuk-petunjuk kesihatan merupakan sesuatu yang cemerlang. Prestasi dan keupayaan Malaysia mengurangkan kadar kematian bayi dan ibu bersalin sering disebutkan. Program dan strategi perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak di negara ini diiktiraf sebagai suatu yang terbaik di kalangan negara-negara membangun. Kini Malaysia menjadi tumpuan negara-negara lain. Bukan sahaja negara jiran seperti Vietnam, Laos dan Kampuchea, tetapi negara-negara Central Asian Republik, dan Afrika ingin melihat dan belajar daripada pengalaman kita menyediakan sistem jagaan kesihatan ibu dan kanak-kanak secara rapi, komprehensif dan menyeluruh.

10. Tidak dapat nafikan bahawa perancangan sosio ekonomi negara yang memberi keutamaan kepada pembangunan kemudahan dan infrastruktur luar bandar

serta menekankan program-program asas untuk meningkat taraf ekonomi, kesihatan dan pendidikan masyarakat telah membawa ke arah kemajuan yang kini dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Semangat dedikasi dan komitmen para profesional dan pekerja-pekerja dalam bidang kesihatan ibu dan kanak-kanak, sama ada di peringkat dasar dan perancangan mahupun di peringkat pelaksanaan dan sokongan, semuanya telah melahirkan hasil membanggakan.

11. Saya percaya, tiada bidang yang sebegitu luas dan kompleks seperti kesihatan ibu dan kanak-kanak yang memerlukan gabungan kerjasama dan rujukan di antara pelbagai disiplin perubatan dan kesihatan. Ianya perlu pendekatan bersepadu antara kepakaran obstetrik dan genikologi, paediatik, kesihatan masyarakat, makanan dan dietetik, kesihatan mental, kejururawatan, perbidanan dan sebagainya. Kepada semua kategori dan kepada setiap tenaga kerja yang mana sumbangan mereka telah memaju dan meningkatkan taraf kesihatan ibu dan kanak-kanak, hanya terima kasih dapat diucapkan. Jasamu tetap dikenang dan dihargai.

12. Pada malam ini, beberapa tokoh telah dipilih untuk diberi pengiktirafan dan seorang tokoh akan menerima anugerah khas MAMANEH Safe Motherhood Award. Pemilihan ini adalah berasaskan peranan mereka menerokai disiplin masing-masing dalam perkembangan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak. Syabas dan tahniah kepada tokoh-tokoh yang akan menerima anugerah.

13. Di peristiwa seperti ini, kita juga tidak ketinggalan mengingati jasa mereka yang telah bertugas di klinik-klinik bidan dan klinik-klinik desa selama 24 jam setiap hari di kawasan-kawasan terpencil. Mereka telah bertugas dengan penuh dedikasi demi kesejahteraan dan kesihatan penduduk. Saya masih ingat apabila saya di Kedah sebagai pegawai kesihatan ibu dan kanak-kanak negeri, ada klinik-klinik bidan yang belum dibekalkan dengan api dan air dan kadangkala keluar untuk membeli makanan pun sukar! Syukur Alhamdulillah, gambaran ini telahpun bertukar dan klinik-klinik desa kini begitu canggih daripada segi bangunan, peralatan dan skop perkhidmatannya.

14. Sejak tahun 80an, beberapa strategi khusus telah dirangka dan dilaksanakan untuk terus mengurangkan lagi kadar kematian ibu bersalin seperti pendekatan risk approach, safe motherhood initiative, district team problem solving dan maternal mortality confidential enquiry. Namun begitu, oleh kerana kini kadar kematian ibu bersalin telah turun kepada suatu angka yang rendah, iaitu 20 pada setiap 100,000 kelahiran hidup, maka langkah-langkah seterusnya akan menjadi lebih mencabar dan perlu dikajisemula dengan lebih teliti. Di samping itu, perkhidmatan dan sistem penyampaian kesihatan perlu diaturkan secara lebih 'flexible dan responsive' untuk memenuhi ekspektasi masyarakat yang semakin tinggi ataupun masalah dan keperluan yang sentiasa berubah. Perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak merupakan infrastruktur asas bagi program-program untuk kesihatan ibu dan kanak-kanak. Oleh itu, kita perlu berusaha mencari strategi baru ke arah peningkatan program untuk memenuhi 'unmet needs' atau 'emerging issues'. Isu-isu seperti kesihatan reproduktif, kesihatan remaja, hiv/aids, kanser payudara dan pembuangan bayi harus diambil kira dan

diperlihatkan sebagai komponen-komponen dalam jagaan kesihatan ibu dan kanak-kanak yang perlu disampaikan kepada masyarakat.

15. Meningkatkan kesihatan neonatal dan perinatal serta mengurangkan kematian bayi peringkat ini adalah satu lagi usaha yang perlu diteruskan. Buku panduan perinatal medicine yang baru diterbitkan adalah sumbangan MAMANEH ke arah membantu pekerja-pekerja perubatan dan kesihatan khususnya di peringkat daerah mengenai jagaan neonatal dan perinatal. Saya ucapkan tahniah kepada mereka yang telah menyumbang pengalaman dan pengetahuan untuk faedah tenaga profesional lain.

16. Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan saya dan MAMANEH kepada penerima-penerima anugerah dan kepada para hadirin di atas sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan. Tanpa semangat dedikasi dan komitmen penuh saudara-saudari, perkhidmatan dan taraf kesihatan ibu dan kanak-kanak sebaik ini tidak tercapai. Kepada semua yang masih dalam perkhidmatan, teruskan usaha dan selamat bertugas. Perjuangan kita masih belum selesai.

17. To our foreign guests, I wish you a pleasant evening and a safe journey home. May the almighty bless us all and guide us in our task ahead to provide a better quality of life for our women and children and for a better world for them wherever they may be.